



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN PENGINAPAN

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

26 Februari 2024

Penerbitan

Tarikh: **26 Februari 2024**

Panduan Penginapan ini menggantikan Panduan Penginapan (Versi 3) yang bertarikh 27 Jun 2023.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan	2
Pengenaan dan Skop Cukai Perkhidmatan.....	2
Cukai Perkhidmatan Genap Masa.....	2
Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan.....	3
Penetapan Kadar Cukai Perkhidmatan Bagi Penyediaan Pelbagai Perkhidmatan Bercukai Oleh Orang Berdaftar Kumpulan A	3
Skop dan Layanan Cukai Perkhidmatan ke Atas Penyediaan Penginapan	5
Contoh-contoh Perkhidmatan Yang dikenakan Cukai Perkhidmatan	7
Bayaran Deposit atau Yuran Tempahan	10
Yuran Pembatalan.....	10
Pendaftaran dan Tanggungjawab Orang Berdaftar	10
Pertanyaan	23
Bantuan selanjutnya dan informasi berkaitan SST.....	23

PENGENALAN

1. Cukai perkhidmatan adalah cukai penggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang ditetapkan iaitu perkhidmatan di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan yang dikenakan cukai melebihi nilai perkhidmatan bercukai ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang dikenali sebagai orang berdaftar dan perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan-bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
4. Panduan penginapan ini disediakan untuk memberi panduan kepada penyedia perkhidmatan dibawah industri perhotelan dan penyedia penginapan yang lain.

PENGANAAN DAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN

5. Berkuatkuasa 1 September 2018, di bawah Kumpulan A, Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, penyediaan tempat penginapan di bawah keadaan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
6. Perkhidmatan penyediaan penginapan di dalam Malaysia dan di dalam kawasan khas (berkuatkuasa 6 September 2018) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Manakala perkhidmatan penginapan yang disediakan di dalam kawasan yang ditetapkan (*Designated Area*) tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Cukai Perkhidmatan Genap Masa

7. Cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan menjadi genap masa pada masa pembayaran diterima untuk perkhidmatan bercukai yang diberikan kepada pelanggan oleh orang kena cukai Kumpulan A yang berdaftar.

PERUBAHAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN

8. Selaras dengan subseksyen 10(2) ACP 2018, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan ruang letak kenderaan dan perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk kad kredit dan kad caj kekal dikenakan pada RM25/tahun.
9. Penyediaan perkhidmatan yang ditetapkan di ruang dua (2), Kumpulan A, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 untuk orang kena cukai penginapan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar cukai yang ditetapkan iaitu pada kadar 8% kuat kuasa mulai 1 Mac 2024.
10. Layanan peralihan ke atas perubahan kadar cukai perkhidmatan boleh merujuk kepada **Panduan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan**.

PENETAPAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN BAGI PENYEDIAAN PELBAGAI PERKHIDMATAN BERCUKAI OLEH ORANG BERDAFTAR KUMPULAN A

11. Sekiranya orang berdaftar Kumpulan A menyediakan pelbagai perkhidmatan bercukai, penetapan kadar cukai perkhidmatan yang disediakan itu ditentukan berdasarkan kepada jenis perkhidmatan bercukai yang disediakan dan bukannya mengikut kepada perkhidmatan utama. Namun, sekiranya perkhidmatan bercukai disediakan secara berpakej, kadar cukai perkhidmatan ditetapkan berdasarkan kumpulan perkhidmatan bercukai. Contoh penetapan kadar cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

Perkhidmatan Bercukai	Penetapan Kadar Cukai Perkhidmatan
(a) Penyediaan premis penginapan – Contoh: 1. Pakej penginapan sahaja 2. Pakej penginapan termasuk sarapan pagi	8% 8% 8%
(b) Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018 – Contoh: 1. Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman 2. Perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan 3. Lain-lain perkhidmatan bercukai seperti rumahurut (<i>massage parlour</i>), pengurusan majlis, <i>business centre</i>	6% atau 8% 6% 6% 8%?
(c) Pemberian perkhidmatan lain di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan – Contoh: 1. Sewaan ruang iklan 2. Sewaan ruang perniagaan 3. Pakej perkahwinan merangkumi penyediaan perkhidmatan bankuet/katering, persiapan tempat dan sewaan peralatan/ live band/ karaoke 4. Pakej seminar/ latihan/ mesyuarat/ kursus merangkumi penyediaan perkhidmatan penginapan, makanan dan minuman, sewaan dewan seminar/bilik mesyuarat dan lain-lain seperti peralatan LED/ mikrofon dan telekomunikasi (internet)	8% 8% 8% 8%

(d) Penyediaan atau penjualan— rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak atau minuman beralkohol atau tidak beralkohol	8%
---	-----------

SKOP DAN LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PENYEDIAAN PENGINAPAN

12. Di bawah Kumpulan A, premis penginapan merujuk kepada:

- (i) Hotel;
- (ii) Penginapan (*Inns*);
- (iii) Rumah penginapan (*Lodging house*);
- (iv) *Service apartment* ;
- (v) Rumah inap (*Homestay*); atau
- (vi) Establismen yang seumpamanya.

13. Walau bagaimanapun, premis penginapan tersebut tidak termasuk premis penginapan yang disediakan oleh:

- (i) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- (ii) Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan;
- (iii) Institusi pendidikan swasta yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]; atau
- (iv) Badan keagamaan atau kebajikan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis

yang mengawal selia badan-badan itu, bagi tujuan aktiviti keagamaan atau kebajikan dan bukan untuk tujuan komersial.

14. Penyediaan perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan A adalah: -

- (i) penyediaan premis penginapan tidak termasuk premis penginapan yang disediakan oleh seseorang majikan sebagai fasiliti kepada pekerjanya;
- (ii) pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018;
- (iii) pemberian perkhidmatan lain di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan seperti kemudahan bankuet, sewaan ruang, rekreasi dan lain-lain perkhidmatan.

Contoh 1

Bank menyewa ruang di lobi hotel untuk meletakkan mesin ATM. Sewaan ruang kepada bank tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 2

Syarikat telekomunikasi menyewa ruang di atas bumbung luar bangunan hotel bagi meletakkan peralatan telekomunikasi. Penyewaan ruang tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- (iv) penyediaan atau penjualan barang-barang berikut: -
 - (a) rokok;
 - (b) produk tembakau;
 - (c) paip tembakau (termasuk kepala paip);

- (d) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa;
 - (e) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik dalam bentuk cecair atau gel sama ada mengandungi nikotin atau tidak; atau
 - (f) minuman beralkohol dan tidak beralkohol.
15. "Establismen yang seumpamanya" merujuk kepada premis yang mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan premis di butiran 12(i) hingga (v).

Contoh 3

Penyediaan tempat penginapan oleh hospital kepada keluarga pesakit di dalam kawasan hospital.

Contoh 4

Tempat perkhemahan. Premis ini beroperasi secara berbeza daripada hotel dan sebagainya. Tetamu boleh membayar untuk menginap di sebuah pondok, atau sebuah pondok tetap di kawasan yang ditetapkan. Sebagai alternatif, mereka membayar bayaran untuk memarkir khemah atau kenderaan mereka sendiri di kawasan yang ditetapkan.

Contoh-Contoh Perkhidmatan Yang dikenakan Cukai Perkhidmatan

16. Contoh-contoh perkhidmatan yang disediakan oleh pengendali hotel yang dikenakan cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

- (i) Bayaran kemasukan ke taman tema di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan penginapan –

Cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas harga tiket bersih, tidak termasuk duti hiburan sekiranya taman tema terletak di dalam kawasan atau

tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan penginapan resort atau hotel.

(ii) Bilik percuma –

Bilik percuma yang digunakan bagi tujuan kegunaan peribadi kepada mana-mana orang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Cukai perkhidmatan dikenakan berdasarkan nilai pasaran terbuka.

Contoh 5

Jika bilik percuma yang biasanya dijual pada kadar RM250++, pengendali hotel harus mengambil kira cukai perkhidmatan ke atas nilai RM250++.

(iii) Bilik percuma yang disewa di bawah program promosi –

(a) Bilik percuma yang disewakan di bawah program promosi (contoh: program kesetiaan) untuk menarik pelanggan adalah dibenarkan. Bilik percuma hendaklah dianggap sebagai diskaun dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

(b) Bilik percuma yang diberikan sebagai sebahagian daripada pakej yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan penginapan (contoh: hotel) dalam bentuk pakej perkahwinan, seminar, makan malam dan pakej F&B lain adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

(iv) Pakej Acara/ Persidangan/ Mesyuarat/ Seminar –

Premis di hotel dan sebagainya yang digunakan sebagai ruang untuk mengadakan acara/ persidangan/ mesyuarat/ seminar. Perkhidmatan tersebut biasanya ditawarkan sebagai pakej (contoh: penyewaan premis, penyediaan makanan dan minuman, penyewaan kemudahan yang akan digunakan) dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

(v) Pakej Perkahwinan –

Pakej perkahwinan yang ditawarkan oleh hotel termasuk sarapan pagi, bufet makanan dan minuman, perkhidmatan sampingan seperti hiasan bunga, juru acara majlis, ahli muzik, hiburan, perkhidmatan *toastmaster* dan bilik untuk upacara pengantin dan pesta pengantin. Pakej perkahwinan adalah perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan ke atas nilai keseluruhan.

(vi) Kemudahan kelab hotel –

Yuran keahlian kelab hotel adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Kemudahan kelab hotel yang disediakan seperti gimnasium dan kolam renang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

(vii) Perkhidmatan lain yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan termasuklah:

- (a) sewaan ruang di dalam hotel untuk paparan kabinet dan panel pengiklanan;
- (b) sewaan yang diterima dari kedai-kedai yang terletak di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan;
- (c) sewaan bilik sukan atau bilik permainan;
- (d) sewaan peralatan sukan dan menyediakan sesi latihan;
- (e) sewaan bilik atau dewan untuk tujuan jualan dan pameran perdagangan;
- (f) penggunaan pusat perniagaan;
- (g) penggunaan pusat kesihatan/ spa;
- (h) perkhidmatan joki kereta;

- (i) katering luar; atau
- (j) bayaran tempat letak kereta apabila dikenakan secara berasingan.

Bayaran Deposit atau Yuran Tempahan

17. Jika deposit atau yuran tempahan menjadi sebahagian daripada pembayaran untuk perkhidmatan yang akan diberikan, maka deposit atau yuran tempahan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Sekiranya deposit atau yuran tempahan tersebut adalah cagaran dan bukan sebahagian daripada pembayaran untuk perkhidmatan yang akan diberikan, maka deposit atau yuran tempahan itu tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

18. Deposit atau yuran tempahan yang dilucut hak tidak dianggap sebagai bayaran untuk perkhidmatan tetapi dianggap sebagai penalti. Oleh itu, ia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Yuran Pembatalan

19. Yuran pembatalan dianggap sebagai pampasan dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

20. Pembekal perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah dikehendaki berdaftar dibawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

21. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) Mengeluarkan invois kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;

- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

22. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **S** : Apakah layanan cukai perkhidmatan berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan penginapan hotel dan perkhidmatan lain seperti gimnasium yang dikendalikan oleh hotel dan perkhidmatan dobi yang di *outsourced*?
- J** : Secara umumnya, penyediaan perkhidmatan penginapan hotel dan perkhidmatan lain yang disediakan oleh pengendali hotel adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Bagi perkhidmatan dobi yang di *outsourced* ianya tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya penyedia perkhidmatan merupakan orang berdaftar.
2. **S** : Apakah implikasi cukai perkhidmatan jika pengendali hotel menguruskan taman tema yang terletak di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan dan mengenakan yuran masuk sebanyak RM100?
- J** : Sekiranya perkhidmatan taman tema yang disediakan oleh pengendali hotel berada di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan, yuran masuk sebanyak RM100 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
3. **S** : Pengendali hotel menyediakan perkhidmatan telekomunikasi seperti faksimili, e-mel/ internet dan telefon IDD untuk tetamunya sama ada untuk digunakan di bilik mereka atau di pusat perniagaan.
- i. Adakah perkhidmatan telekomunikasi tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?
- ii. Apakah kadar cukai perkhidmatan yang perlu dikenakan untuk perkhidmatan ini?

- J : i. Perkhidmatan telekomunikasi tersebut yang disediakan oleh pengendali hotel adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
- ii. Kadar cukai perkhidmatan yang perlu dikenakan untuk penyediaan perkhidmatan telekomunikasi ini adalah 6%.
4. S : Saya seorang pengendali hotel dan menyediakan kemudahan tempat letak kereta untuk tetamu saya tanpa sebarang caj ketika mereka menginap di hotel saya.
- i. Adakah saya perlu mengira cukai perkhidmatan ke atas kemudahan tempat letak kereta yang disediakan secara percuma kepada tetamu? dan
- ii. Jika terdapat caj yang dikenakan, bagaimanakah saya boleh mengambilkira cukai perkhidmatan?
- iii. Apakah kadar cukai perkhidmatan untuk caj/bayaran tempat letak kenderaan yang perlu dikenakan?
- J : i. Kemudahan tempat letak kereta yang disediakan kepada tetamu hotel secara percuma adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia diambil kira dalam caj bilik penginapan tetamu.
- ii. Caj tempat letak kenderaan yang dikenakan secara berasingan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Jika diskaun diberikan, cukai perkhidmatan akan dikenakan pada jumlah selepas diskaun.
- iii. Kadar cukai perkhidmatan yang perlu dikenakan untuk caj/bayaran tempat letak kenderaan ini adalah 6%.
5. S : Agen pelancongan telah membuat tempahan untuk 150 bilik dan ianya diberikan satu bilik percuma oleh pengendali hotel untuk setiap 100 bilik yang ditempah. Apakah layanan cukai perkhidmatan terhadap bilik

percuma yang diberi?

- J : Bilik percuma yang diberikan oleh hotel sebagai sebahagian daripada pakej berkenaan kepada agen pelancongan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
6. S : MNO adalah operator hotel yang menyediakan perkhidmatan bilik percuma kepada pekerja, auditor dan kontraktor bila mereka menjalankan kerja untuk MNO. Apakah layanan cukai perkhidmatan terhadap bilik percuma yang diberi?
- J : Bilik percuma yang diberikan kepada pekerja tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan manakala penginapan bilik percuma kepada auditor dan kontraktor yang bukan pekerja hotel adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
7. S : Bagaimanakah cukai perkhidmatan dikira pada pakej perkahwinan yang ditawarkan oleh sebuah hotel, yang termasuk kemudahan bilik dan sampingan?
- J : Pakej perkahwinan yang ditawarkan terdiri daripada sarapan, bufet dan makanan yang dihidangkan di dalam bilik dengan perkhidmatan sampingan yang disediakan sebagai sebahagian daripada pakej (termasuk hiasan bunga, perkhidmatan *toastmaster*, pengacara, ruang untuk majlis dan pesta pengantin). Pengiraan cukai perkhidmatan mesti berdasarkan jumlah nilai pakej ini. Layanan cukai perkhidmatan adalah sama untuk pakej lain yang serupa seperti persidangan, seminar dan perhimpunan dengan perkhidmatan sampingan.
8. S : Saya menyediakan hotel yang kurang daripada 25 bilik. Adakah saya perlu berdaftar untuk cukai perkhidmatan?

- J : Anda perlu berdaftar untuk cukai perkhidmatan sekiranya nilai perkhidmatan bercukai bagi tempoh 12 bulan adalah melebihi RM500,000.00 tanpa mengambil kira bilangan bilik yang disediakan.
9. S : Hotel mengenakan bayaran RM108.00 (termasuk cukai perkhidmatan) untuk penginapan satu malam sebagai acara tahunan semasa cuti sekolah. Hotel ini menerima tempahan untuk 10 bilik selama 4 malam. Berapakah jumlah cukai perkhidmatan yang dikenakan?
- J : Amaun cukai perkhidmatan ialah RM320.00
 $(8/108 \times 108 \times 10 \times 4 = \text{RM}320.00)$
10. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan dan kadar cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman yang disediakan oleh pengendali hotel kepada tetamunya?
- J : Penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman oleh operator hotel merupakan pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam kumpulan lain dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 di mana perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6%.
11. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan dan kadar cukai perkhidmatan bagi sewaan kemudahan sukan hotel, seperti padang golf dan lapangan sasaran golf?
- J : Penyewaan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 8%.
12. S : ABC Property Sdn Bhd (ABCP) membina 15 tingkat hotel dan hotel tersebut diuruskan oleh ABC Hotel Management Sdn Bhd (ABCHM). ABCP menerima pendapatan bersih daripada ABCHM selepas ditolak

kos perbelanjaan operasi yang ditanggung oleh ABCHM. Adakah ABCP menjalankan perkhidmatan bercukai?

J : Secara umumnya, ABCP menjalankan perkhidmatan bercukai iaitu penyedia penginapan manakala ABCHM adalah menjalankan perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan pengurusan iaitu bagi pihak orang lain. (Tertakluk kepada kontrak perjanjian antara kedua belah pihak).

13. S : XYZ Property Sdn Bhd (XYZP) membina 15 tingkat bangunan hotel dan XYZP memajak bangunan hotel kepada XYZ Hotel Management Sdn Bhd (XYZHM). Adakah XYZP menjalankan perkhidmatan bercukai?

J : XYZP menyediakan perkhidmatan pajakan yang mana ianya adalah bukan perkhidmatan bercukai dibawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

14. S : Kami adalah operator hotel dan juga operator pangsapuri servis (*service apartment*). Kami menyediakan penginapan kepada semua pelanggan selain daripada kemudahan-kemudahan yang lain yang terdapat di hotel dan *service apartment*. Adakah kami perlu untuk mengenakan cukai perkhidmatan bagi operasi hotel dan *service apartment* atau hanya hotel sahaja?

J : Perkhidmatan penginapan yang disediakan oleh operator hotel dan pangsapuri servis adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Oleh yang demikian, cukai perkhidmatan perlu dikenakan untuk operasi hotel dan *service apartment*.

15. S : Pihak hotel mengadakan promosi untuk kempen pengambilan anggota keahlian baru, dengan menawarkan program "Menginap 6 Malam, Percuma Penginapan Satu Malam" kepada semua pelanggan yang

ingin menyertainya. Adakah cukai perkhidmatan perlu dikenakan untuk penginapan percuma tersebut?

J : Penginapan percuma yang diberikan sebagai pakej dalam promosi kempen dianggap telah diliputi harga yang ditawarkan. Cukai perkhidmatan dikenakan pada harga yang dibayar untuk pakej tersebut.

16. S : Ahli kelab hotel menikmati kemudahan tertentu seperti gimnasium dan kolam renang dengan kadar diskaun. Bagaimanakah saya mengira cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan ini?

J : Perkhidmatan ini adalah perkhidmatan yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Jika diskaun diberikan untuk menggunakan kemudahan ini, cukai perkhidmatan akan diambilkira pada jumlah selepas diskaun.

17. S : Adakah satu program *timeshare* yang dijual oleh pembekal *timeshare* tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana program ini memberikan hak masa untuk tinggal di hotel/ resort yang disertainya?

J : Tidak, program *timeshare* yang dijual oleh pembekal *timeshare* tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Perkhidmatan penginapan akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan apabila *timeshare* digunakan dan pengendali penginapan akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan.

18. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas caj tidak hadir di mana pihak hotel telah pun menyediakan bilik kepada pelanggan tersebut?

J : Caj tidak hadir tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya bayaran telah diterima oleh penyedia penginapan. Caj ini tidak boleh dianggap

sebagai penalti kerana penyediaan penginapan telah disediakan kepada pelanggan (bergantung kepada polisi hotel).

19. S : Tetamu telah dikenakan bayaran kerana memecahkan *teapot* hotel. Pihak hotel mengenakan bayaran gantirugi sebanyak RM50 kepada pelanggan. Adakah bayaran tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Bayaran gantirugi ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

20. S : Adakah penjualan cenderahati seperti tuala dan cawan oleh pengendali hotel tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Tidak, penjualan tersebut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

21. S : Adalah menjadi amalan biasa bagi sebuah hotel untuk menempah bunga atau membeli hadiah bagi pihak pelanggan atas permintaan mereka. Hotel ini akan mengira kos sebagai caj berasingan dalam *invois* yang dikeluarkan. Adakah caj yang dikenakan terhadap perkhidmatan pembelian hadiah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Pembekalan bunga atau hadiah oleh pengendali hotel yang disediakan oleh pihak ketiga bukanlah perkhidmatan bercukai. Walau bagaimanapun, sekiranya pengendali hotel mengenakan caj perkhidmatan ke atas pembelian tersebut, caj perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

22. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman yang disediakan oleh pengendali restoran (selain pengendali hotel) di dalam premis hotel?

J : Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman yang disediakan oleh pengendali restoran dalam premis hotel tertakluk kepada cukai

perkhidmatan sekiranya pengendali restoran tersebut adalah orang berdaftar cukai perkhidmatan.

23. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas jualan melalui mesin layan diri milik pengendali hotel atau bukan milik pengendali hotel di dalam premis hotel?

J : Bagi tujuan cukai perkhidmatan, sekiranya mesin layan diri itu milik pengendali hotel, hanya mesin layan diri yang memberikan perkhidmatan menjual minuman, rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik dalam bentuk cecair atau gel sahaja yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Sekiranya mesin layan diri tersebut bukan milik pengendali hotel, maka ia adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

24. S : Adakah *tip* yang diberikan oleh tetamu secara sukarela tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : *Tip* yang diberikan secara sukarela oleh tetamu atau pelanggan kepada kakitangan hotel sebagai tanda penghargaan untuk perkhidmatan yang diberikan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

25. S : Adakah harga yang dipaparkan di hotel untuk penginapan, makanan dan minuman dan lain-lain yang diperlukan termasuk atau tidak termasuk cukai perkhidmatan?

J : Harga yang dipaparkan boleh termasuk atau tidak termasuk cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, harga yang dipaparkan pada invois itu mestilah memaparkan harga dan cukai perkhidmatan secara

berasingan melainkan permintaan orang berdaftar secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk tidak menyatakan butir-butir yang ditetapkan yang terkandung di dalam invoice.

26. S : Adakah perkhidmatan katering yang diberikan oleh pihak hotel tetapi dibuat diluar hotel tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya, ianya tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

27. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan berkaitan dengan penginapan pelajar di Hotel Sutera di mana hotel tersebut dimiliki oleh Universiti Sutera yang merupakan institusi pendidikan tinggi swasta yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Act 555]?

J : Tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana Hotel Sutera dimiliki oleh Universiti Sutera yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Act 555] dan tidak termasuk dalam kategori orang yang dikenakan cukai perkhidmatan.

28. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan terhadap penginapan pelajar-pelajar di asrama yang disediakan oleh Kolej Swasta atau Sekolah Swasta / Antarabangsa?

J : Sekiranya Kolej Swasta atau Sekolah Swasta / Antarabangsa tersebut berdaftar di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] atau Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], maka penginapan asrama yang disediakan sebagai tempat tinggal kepada pelajar-pelajar adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

29. S : FiSTDubai menyediakan platform tempahan bilik hotel kepada pelanggan. Lazfa Hotel KL menggunakan platform untuk mengiklan bilik penginapan. FiSTDubai mengeluarkan invoice bagi pihak Lazfa

Hotel KL ke atas tempahan yang dibuat. Siapakah yang perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan kepada kastam?

J : Lazfa Hotel KL perlu mengakaunkan cukai pekhidmatan kerana perkhidmatan penginapan disediakan oleh Lazfa Hotel KL.

Isu Peralihan

30. S : Andrew daftar masuk hotel pada 28 Ogos 2018 dan keluar pada 7 September 2018. Adakah pengendali hotel perlu mengeluarkan 2 invois untuk penginapan sebelum dan selepas 1 September 2018?

J : Pengendali hotel perlu mengeluarkan invois bagi cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas penginapan untuk tempoh 1 September 2018 hingga 7 September 2018 (6 malam). Invois juga perlu dikeluarkan kepada pelanggan di mana GST sebanyak 0% dikenakan ke atas penginapan untuk tempoh 28 Ogos 2018 hingga 31 Ogos 2018.

31. S : Indah Hotel Sdn Bhd mengeluarkan kad keistimewaan untuk bayaran kepada ahli kelab hotel untuk program tahunan mulai 1 Jun 2018 hingga 31 Mei 2019 untuk menikmati kemudahan tertentu seperti gimnasium dan kolam renang pada kadar diskaun. Ahli-ahli telah membayar jumlah penuh pada 31 Julai 2018. Adakah perkhidmatan yang diberikan pada dan selepas 1 September 2018 tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Perkhidmatan yang diberikan pada dan selepas 1 September 2018 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

32. S : Yusra membuat tempahan hotel dan membayar jumlah penuh RM600 melalui Agoda pada 20 Ogos 2018 untuk penginapan dari 30 Ogos

2018 hingga 2 September 2018. Apakah implikasi cukai ke atas penginapan?

- J : Penginapan dari 30 Ogos 2018 hingga 31 Ogos 2018 adalah tertakluk kepada CBP pada 0% tetapi penginapan dari 1 September 2018 hingga 2 September 2018 (1 malam) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan sebanyak 6%.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung dengan:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 6, Tower A, Suasana PjH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST: <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam: -
 - Hotline : 1 300 88 8500
 - Telefon : 03-8882 2100/ 2300/ 2500
 - Email : ccc@customs.gov.my